

Balora perlu pengubahsuaian untuk keselesaan masyarakat

Azizah Shafiei

5 November 2017

Sumber : <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/balora-perlu-pengubahsuaian-untuk-keselesaan-masyarakat-1.752532>



Rohaizam menyerahkan cenderahati kepada Mohd Fadil disaksikan Norya (kiri) dan Norsaiiph (kanan) atas kesudian hadir dan membantu dalam usaha membaikpulih dan mengubahsuaikan bangunan dewan ini.

BERA - Balai Orang Ramai (Balora) di perkampungan Orang asli Pos Iskandar di sini memerlukan peruntukan sekurang-kurangnya RM150,000 untuk kerja-kerja membaikpulih dan pengubahsuaian bangunan itu terutamanya pembinaan 'foyer' di sekeliling dewan ini.

Tok Batin, Norya Abas berkata, sejak dewan ini dibina pada tahun 1997, ini merupakan kali ketiga dibaikpulih menerusi Program Kesukarelawan Institut Kemahiran Belia Negara dan Sukan (IKBNS) yang dilaksanakan melalui projek Touch Point di bawah Cabinet Away Day 2017 (Parlimen Bera), kelmarin.

Menurutnya, daripada RM8,000 yang diperuntukan, bangunan itu dicat baharu termasuk membaiki dan mengganti kipas atau lampu yang rosak serta mendirikan papantanda baharu di dewan ini.

"Terima kasih kepada kerajaan kerana prihatin dengan keperluan lebih 2,600 penduduk di kampung ini. Dewan ini sangat aktif digunakan penduduk, dan sememangnya ia wajar dinaiktaraf.

"Meskipun dewan ini telah dibaiki, namun ia masih perlu dinaiktaraf ke tahap yang lebih baik supaya penggunaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Kesukarelawan Institut Kemahiran Belia Negara dan Sukan (IKBNS) anjuran bersama IKBN Pekan, Pejabat Belia dan Sukan Daerah dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah.

Hadir sama, Adun Kemayan, Datuk Mohd Fadil Osman; Pegawai Kesatria IKBN Pekan, Muhammad Lukman Mat Rahim; Pegawai Belia dan Sukan, Rohaizam Abdul Rahman dan Pegawai Jakoa, Norsaipah Jad.

Norya berkata, pada tahun lepas, dinding dewan ini telah diubahsuai dengan pemasangan tingkap dan pintu berkaca bagi memudahkan aliran udara, selain memudahkan mereka yang tidak dapat masuk ke dewan ini berpeluang melihat aktiviti di dalam dewan.

"Kalau boleh, selepas ini kami berharap agar kerajaan dapat memperuntukan bajet bagi menukar dinding plywood kepada dinding konkrit. Nampak macam konkrit tetapi sebenarnya hanya plywood sahaja.

"Selain itu, kami juga harap pentas utama ini dinaiktaraf dengan menyediakan pintu di belakang pentas dan bidai di hadapan pentas bagi memudahkan pergerakan sebarang persembahan diadakan di dewan ini," katanya.

Menurut Norya, meskipun ada permintaan supaya penghawa dingin dipasang di dewan ini, namun pihaknya berharap keperluan utama diberikan perhatian terlebih dahulu.